

22 AUG 2003

Malaysia-Brunei

M'SIA DAN BRUNEI HAMPIR CAPAI PENYELESAIAN ISU MARITIM DAN DARATAN

PUTRAJAYA, 22 Ogos (Bernama) -- Malaysia dan Brunei Darussalam semakin hampir mencapai penyelesaian berhubung isu daratan dan maritim, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Pada sesi taklimat kepada pemberita mengenai perbincangan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah di pejabat Perdana Menteri di sini, Syed Hamid berkata walaupun kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan terhadap beberapa perkara namun masih ada perkara yang mereka belum persetujui.

Beliau berkata pada ketika ini Kuala Lumpur tidak nampak sebarang keperluan untuk mengadakan lebih banyak mesyuarat rasmi berhubung isu itu berikutan satu mesyuarat telah diadakan dua hari lepas dan tiga mesyuarat diadakan antara Malaysia dan Brunei selepas pertemuan Dr Mahathir dengan Sultan Hassanal di Pulau Pinang Mei lepas.

"Saya fikir kita semakin hampir mencapai penyelesaian...kita telah kaji bidang-bidang yang menjadi kepentingan dua-dua belah pihak. Dan hari ini Perdana Menteri pada pertemuan dengan Sultan Brunei telah menjelaskan dua kedudukan. Jadi kini, saya fikir terpulang kepada Brunei untuk mengkaji apa yang telah kita mulakan...jadi kita tunggu maklum balas mereka...jika mereka mahu adakan perbincangan lanjut atau cadangan lain..." katanya.

Syed Hamid berkata Malaysia sentiasa percaya dengan dialog untuk mencapai persetujuan demi kepentingan kedua-dua negara dan bagi memastikan kedua-dua pihak berpuas hati dengan hasil muktamadnya.

"Sudah tentu, dalam sebarang perjanjian kita mahu mencapai hasil yang saling memanfaatkan kedua-dua pihak daripada segi ekonomi. Jadi kita perlu pastikan kedua-dua belah pihak betul-betul berpuas hati dengan apa jua hasilnya," kata Syed Hamid.

Menteri Luar turut ditanya mengenai jenis persetujuan yang dicapai berhubung perkara itu pada mesyuarat hari ini yang berlangsung lebih satu setengah jam.

"Saya fikir Perdana Menteri telah menjelaskan bahawa kita telah mengemukakan cadangan kita dan cadangan itu adalah yang terbaik daripada pihak kita. Jadi kita kena tunggu. Dan pada masa yang sama kita telah berikan maklum balas kepada cadangan mereka. Jadi kita tidak mahu keseluruhan perkara itu dibahaskan sehingga ia merumitkan kedua-dua pihak untuk berunding," katanya.

Syed Hamid turut ditanya sama ada terdapat tempoh tertentu bagi menyelesaikan isu itu.

"Niat asal kita ialah untuk menyelesaikannya semalam. Menerusi semangat kerjasama ekonomi dan dalam konteks Asean...tentunya, kita berpendapat lebih cepat lebih baik. Tetapi kita sedar ia satu perkara yang amat penting. Berhubung perkara berkaitan sempadan daratan dan maritim, kedua-dua negara perlu menelitinya dengan serius," katanya.

Syed Hamid berkata walaupun masalah itu telah berlarutan beberapa tahun, kedua-dua pihak ingin mencapai penyelesaian berpanjangan dan abadi.

"Saya fikir kita telah menunggu terlalu lama. Jadi tidak salah jika tunggu lebih lama lagi sehingga kita mencapai sesuatu yang mengembirakan Brunei dan bagi Malaysia pula ia selaras dengan kepentingan Malaysia," katanya.

Kepada satu soalan, Syed Hamid berkata Malaysia tidak menganggap isu itu sebagai satu konflik.

"Kita tidak sampai ke peringkat menganggap perkara itu sebagai satu

konflik yang kita mesti selesaikan. Sebenarnya apa yang Malaysia mahu teliti, misalnya, ialah soal daratan. Ia merupakan sesuatu yang Malaysia tidak pernah anggap sebagai perkara yang dipertikaikan," katanya.

"Tetapi saya berpendapat sekurang-kurangnya ada kertas kerja di kedua-dua belah pihak yang jelas menunjukkan bahawa kita sedang mengkajinya tetapi belum mencapai persetujuan muktamad," katanya.

Syed Hamid juga berkata perbincangan itu berlangsung dalam suasana mesra yang mencerminkan hubungan rapat antara kedua-dua negara.

"Saya boleh beritahu anda bahawa mereka berbincang dalam suasana mesra dalam usaha cuba mencapai penyelesaian. Kedua-dua pihak ikhlas untuk cuba mencapai penyelesaian yang dapat diterima kedua-dua belah pihak. Saya berpendapat perbincangan itu berjalan dengan baik...ia mencerminkan hubungan rapat antara Malaysia dan Brunei.

"Saya fikir inilah yang kita mahu kekalkan walaupun kita mempunyai perbezaan pendapat mengenai cara kita melihat bidang-bidang daratan dan maritim," kata Syed Hamid.

-- BERNAMA

RV RV RHM